

40 kes pemalsuan dokumen dikesan tahun lalu

Awas sindiket pengeluaran wang KWSP

LAPORAN
KHAS



■ KUALA LUMPUR 18 JULAI

KUMPULAN Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengesan 40 kes pemalsuan dokumen dalam proses pengeluaran wang simpanan pekerja sepanjang tahun lalu.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Bahagian Operasi) KWSP, Datuk Mohd. Naim Daruwish berkata, kesemua kes tersebut dipercayai didalangi oleh sindiket pemalsuan penista yang berge-rak aktif ketika ini.

Walau bagaimanapun jelasnya, jumlah itu masih dikira kecil jika dibandingkan dengan bilangan pengeluar KWSP sepanjang tahun yang sama iaitu 1.9 juta.

"Daripada 40 kes tersebut, 32 kes melibatkan penipuan dalam skim pembelian rumah manakala lapan lagi skim perubatan," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut Mohd. Naim

MUKADIMAH MENYASARKAN individu yang terdesak, sindiket penipuan pengeluaran Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) kini dikesan aktif menipu orang ramai dengan menjadikan media sosial sebagai platform untuk memerangkap mangsanya. Wartawan *Utusan Malaysia*, **FARHANA JONI** dan **NURMAIRA JAMALUDDIN** mendedahkan perbuatan tersebut hasil pengalaman mangsa dan juga peringatan daripada KWSP agar orang ramai berhati-hati dengan kegiatan sindiket berkenaan.

berkata, jika dikesan melakukan kesalahan pemalsuan dokumen, ahli KWSP boleh dikenakan hukuman denda maksimum RM10,000, penjara tiga tahun atau kedua-duanya mengikut Seksyen 59 Akta KWSP bagi kesalahan pertama.

Jelasnya, bagi pemalsuan dokumen yang telah diluluskan, KWSP boleh mendapatkan perintah mahkamah untuk ahli berkenaan memulangkan semula wang yang telah dikeluarkan.

"Ahli juga tidak dibenarkan untuk mengeluarkan wang KWSP sehingga kes mereka selesai.

"Bagi kesalahan yang lebih be-

rat dan serius, kami boleh bawa mereka kepada pihak polis dan didakwa atas kesalahan penipuan dan pemalsuan atas kanun keseksaan," ujarnya.

Tambah Mohd. Naim, bukan mudah untuk mengeluarkan wang KWSP kerana pihaknya mempunyai modul sistem kawalan penipuan dikenali sebagai detektif dan plementif.

"Melalui sistem detektif, sistem KWSP akan membekukan permohonan ahli jika mendapati dokumen yang dikemukakan adalah palsu. Kita akan siasat setiap permohonan dan bukan sewenang-wenangnya ia diluluskan.

info

PENGELUARAN 2015



Skim pengeluaran	Bilangan	Amaun
■ 55 tahun	530,459	RM21,400,282,188
■ 50 tahun	148,699	RM4,831,008,499
■ Ansuran bulanan (pinjaman perumahan)	1,551,508	RM1,375,789,117
■ Mengurangkan/ menyelesaikan baki pinjaman perumahan	164,033	RM2,212,036,347
■ Beli rumah pertama	89,071	RM2,108,847,723
■ Beli rumah kedua	6,483	RM287,952,489
■ Hilang upaya	4,659	RM331,060,249
■ Meninggalkan negara	3,833	RM377,363,471
■ Kesihatan	5,692	RM51,766,353
■ Pendidikan	65,787	RM578,180,407
■ Pekerja berpencen/ Pesara pilihan	48,688	RM1,972,703,781

Sumber: <http://www.kwsp.gov.my/portal/documents/10180/5915090/3>

"Selain itu, kami turut menjalankan kawalan secara manual iaitu memberikan perkhidma-

tan nasihat kepada kakitangan di kaunter jika mengesan suspek melakukan penipuan," katanya.



Melalui sistem detektif, sistem KWSP akan membekukan permohonan ahli jika mendapati dokumen yang dikemukakan adalah palsu."

MOHD. NAIM DARUWISH
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Bahagian Operasi) KWSP